

NILAI-NALAI ESTETIK DALAM SENI FIBRE

OLEH

MOHAMAH AZAREEN BIN AMINULLAH

85609540

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka, Institut Teknologi MARA, sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

1. Diperiksa oleh.....Tarikh.....
2. Diperiksa oleh.....Tarikh.....
3. Diperiksa oleh.....Tarikh.....

Diluluskan oleh.....Tarikh.....

Dekan

Kajian Senilukis dan Senireka

Institut Teknologi MARA

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Pendahuluan

Seni tekstil adalah salah satu cabang seni yang sedang berkembang dan semakin banyak seniman-seniman berkecimpung dengan seni ini. Sejak awal zaman tekstil merupakan sesuatu bidang yang menguasai kehidupan seharian. Tekstil meliputi bidang perusahaan yang memberi keselesaan pada pengguna. Dari aspek lain pula ianya adalah satu kegiatan seni yang mempernyatakan sesuatu. Bidang ini setanding dengan bidang-bidang seni yang lain. Salah satu institut yang mengeluarkan seniman-seniman tekstil ialah Institut Teknologi MARA, ia terbahagi kepada 3 pengkhususan iaitu cetakan, batik dan fibre.

Seni tekstil telah memperkembangkan konsepnya, ia memasuki era baru dalam seni. Karya-karya seni tekstil sudah lari dari cara lama, yang mana ia berbentuk relief dan 3 dimensi. Karya seni tekstil banyak berkaitan dengan bahan dan teknik dan tidak lari dari elemen-elemen senilukis. Kematangan dengan bahan penting untuk pengkarya fibre. Kefahaman, pengalaman dan persetujuan tentang kemungkinan bahan dan teknik membuat sesuatu karya tekstil itu berjaya. Kita akan dapati pelbagai gaya persembahan yang mana ia kadang kala mengelirukan antara seni tekstil dan seni halus.

| Kandungan | Muka surat |
|---|------------|
| Pengenalan..... | I |
| Bab 1. Objektif. | 3 |
| Bab 2. Estetik..... | 5 |
| Bab 3. Sejarah dan Definasi Seni Fibre..... | 14 |
| Bab 4 .Nilai-nilai Estetik Dalam Seni Fibre.... | 21 |
| 5. Kesimpulan. | 26 |
| Keputusan..... | 30 |
| Bibilografi..... | 32 |

Pengenalan

Bahan dan teknik sangat ditekankan apabila saya membuat pengkhususan dalam bidang fibre art di jabatan tekstil. Daripada penggunaan loom hinggalah kepada teknik bebas dan daripada benang halus hingga kepada bahan keras adalah aspek-aspek seni fibre. Kesedaran wujud apabila hasil akhir menimbulkan pertanyaan yang membawa saya menulis tesis ini.

Pada tahun kedua dan seterusnya saya masih lagi bergelumang dengan bahan dan teknik, kerana saya suka membuat 'eksperiment' keatas keduanya tadi. Dengan bantuan teknik saya mendapati hasilnya, ia meninggalkan kesan yang unik. Pengkajian saya meliputi seni fibre masa kini. Seni tekstil bergerak dari permukaan 2 dimensi kepada 3 dimensi dengan membawa konsep baru. Seni fibre masih muda dalam bidang seni, tetapi hadirnya sangat menakjubkan sehingga terjadi kekaburan antara seni halus dan seni fibre.

Bahan dan teknik, banyak mempengaruhi hasil kerja saya. Saya banyak merujuk kepada karya-karya daripada seniman dalam mahupun luar negeri. Dengan ini ia mendatangkan idea-idea baru kepada saya. Setiap seniman memang tidak lari dari penggunaan bahan dan teknik. Setiap satu karya fibre mempunyai keunikan tersendiri, dan saya lebih suka karya-karya yang

Objektif

Mencari dimana terletaknya kekuatan seni fibre. Apakah yang dikatakan seni fibre dan dari aspek mana ia lebih ditekankan. Bahan menjadi perantara bagi peseni-peseni meluahkan sesuatu. Teknik pula merupakan sesuatu yang berhubungkait dengan penggunaan mesin. Gabungan dua unsur tadi menghasilkan satu bentuk atau imajan menerangkan emosi, pengalaman penghayatan dan pengetahuan seseorang seniman.

Kalau dikatakan bahawa bahan lebih dominan maka tonjolan teknik tidak ketara dan sebaliknya. Teknik merupakan satu yang menjamin tentang mutu sesuatu karya begitu juga dengan bahan maka kedua-duanya saling berhubung rapat.

'Great artis power may produce fine works of art even though technique is defective, and even the most finished technique will not produce the finest sort of work in their absence but all the same, no work of art whatever can be produced without some degree of technical skill, and, other things being equal, the better the technical the better will be the work of art'